

Majlis Town Hall bersama CEO dan Ahli Pengurusan UPM platform jalin kerjasama universiti, industri

Oleh: Noor Eszereen Juferi

Foto Oleh: Mohammad Izrul Abdul Jabar



KAJANG, 14 Ogos – Universiti Putra Malaysia (UPM) menerusi Pusat Hubungan dan Jaringan Industri (CiRNeT), menganjurkan Town Hall

bersama CEO dan Ahli Pengurusan UPM sebagai platform menjalin kerjasama strategik antara universiti dan industri.

Naib Canselor UPM, Dato' Prof. Dr. Ahmad Farhan Mohd Sadullah, berkata pertemuan ini secara langsung mewujudkan sinergi bersama untuk memperkasakan keterlihatan UPM sebagai universiti pilihan untuk menjalankan kolaborasi sejajar dengan keperluan masa kini.

"Ini adalah sejajar dengan Pelan Strategik UPM 2021-2025 yang bermatlamat untuk melahirkan watak graduan berdaya tahan mendepani cabaran mendatang dan melestarikan ekosistem jaringan industri dan masyarakat," katanya.



Dato' Prof. Dr. Ahmad Farhan turut melancarkan Buku Panduan Hubungan dan Jaringan Industri 2.0.

Program itu secara langsung dapat memperkenalkan serta mempromosikan kepakaran para penyelidik UPM kepada sektor industri melalui kerjasama penyelidikan, inovasi bersama dan pemindahan teknologi.

Pengarah CiRNeT, UPM, Prof Dr Shamsul Bahri Md Tamrin berkata penganjuran ini bertujuan memperkuatkan hubungan antara dunia akademik dan industri serta memperluaskan wawasan pelajar dan staf universiti mengenai realiti dan keperluan pasaran tenaga kerja.

“Pihak CiRNeT mengambil inisiatif lanjutan dengan mengadakan majlis townhall ini bagi menghimpunkan CEO-CEO yang telah dilantik sama ada sebagai CEO@PTJ, CEO@Faculty, serta CEO dari industri dan komuniti yang berpotensi,” katanya.



Selain itu, majlis townhall itu dihadiri CEO dan ahli pengurusan tertinggi syarikat dari 39 industri dari dalam dan luar negara dalam pelbagai bidang perusahaan.

Pengarah/ Ketua Pegawai Operasi, Hino Motors Sales (Malaysia) Sdn. Bhd., Ahmad Yasmin Yahya berkata inisiatif UPM menganjur program sebegini memberi peluang kepada industri untuk mengenali nic keperluan universiti.

"Ini adalah pengalaman pertama saya bersama UPM dan saya melihat pelajar dari fakulti berkaitan di universiti ini boleh menjalankan kerjasama serta latihan industri dalam syarikat ini," katanya.



Pengurus Besar Kanan, Syarikat Faiza Sdn. Bhd., Dr. Salwa Abu Bakar berkata sebagai alumni UPM beliau berbesar hati untuk membantu universiti dan merupakan peluang beliau untuk menabur bakti kepada universiti.

"Saya berharap universiti dapat berkongsi teknologi dan inovasi terkini dalam membantu industri menyelesaikan masalah keterjaminan negara terutamanya dalam industri beras yang kini kekurangan bekalan beras tempatan," katanya.